

**2 Ogos 2006 (Rabu)**

## **Sarawak cekap urus kewangan**

Oleh Hardi Effendi Yaacob

### **Diperakui Laporan Audit Tahunan 2005**

KUCHING: Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, Sarawak terpilih sebagai negeri paling kukuh kedudukan kewangannya melalui Laporan Audit Tahunan 2005, yang dikeluarkan, baru-baru ini.

Katanya, negeri itu berjaya mengekalkan kecekapan sistem pengurusan kerajaan, terutama yang membabitkan aspek kewangan. Sarawak bukan saja mempunyai kedudukan kewangan kukuh, malah pertumbuhan ekonominya juga berada pada tahap memberangsangkan, dengan kehadiran banyak pelabur asing dalam pelbagai sektor industri.

Ini jelas membuktikan kecekapan jentera pentadbiran kerajaan negeri, selain kepekaan mereka dalam memperkasakan jentera pelaksanaannya, sekali gus membolehkan negeri ini terus berdaya maju," katanya. Beliau berkata demikian selepas kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud di Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, di sini, kelmarin. Ia bertujuan melaporkan hasil audit negeri untuk tahun lalu, selain memaklumkan pelantikannya sebagai Ketua Audit Negara, menggantikan Tan Sri Hadenan Jalil.

Katanya, melalui kunjungan hormat itu, beliau juga berpeluang berbincang dengan kerajaan negeri mengenai usaha kerajaan Persekutuan untuk terus membangunkan negeri ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Dalam RMK-9, Sarawak antara negeri yang menerima peruntukan terbesar daripada kerajaan Persekutuan. Ini bermakna lebih banyak program pembangunan yang akan dilaksanakan di negeri ini. Sarawak sememangnya bertuah kerana menerima peruntukan sebesar RM15 bilion. Ini daripada kerajaan Persekutuan, tidak termasuk peruntukan tambahan RMK-9 daripada kerajaan negeri," katanya.

Pada 2004, Sarawak pernah diumumkan oleh Kementerian Kewangan sebagai negeri termaju dan terkaya di Malaysia, mengatasi pencapaian negeri lain yang lebih dulu maju darinya. Malah, hampir setiap tahun, negeri ini mencatatkan purata lebihan sumber kewangan RM2 bilion hingga RM4 bilion, hasil kecekapan sistem pentadbiran kewangan negeri.

Ambrin berkata, dengan peruntukan sebesar itu, pelbagai projek pembangunan dapat dilaksanakan tanpa sebarang masalah seperti disasarkan kerajaan negeri melalui RMK-9 Dari Perspektif Sarawak.

?Dengan kecekapan jentera pentadbiran kerajaan negeri, saya tidak fikir mereka akan menghadapi masalah untuk melaksanakan segala projek pembangunan yang dirancangkan untuk faedah rakyat.

?Saya berharap kerajaan negeri dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama mereka dengan pelbagai agensi di peringkat Persekutuan untuk sama-sama menjayakan usaha ini," katanya.